

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Tuesday, 12 May, 2020 1:06 PM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Harumkan Nama UUM, Pelajar TISSA Peroleh Markah Tertinggi Dalam SBR ACCA

Daripada: UUM CORPORATE COMM.

Dihantar: 22 April 2020 17:06

Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students

Subjek: Harumkan Nama UUM, Pelajar TISSA Peroleh Markah Tertinggi Dalam SBR ACCA



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

22 APRIL 2020 / 28 SYAABAN 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Masyitah Che Ishak (Pelajar Pelatih dari SMMTC)

Gambar: Ihsan TISSA-UUM

HARUMKAN NAMA UUM, PELAJAR TISSA PEROLEH MARKAH TERTINGGI DALAM SBR ACCA



UUM ONLINE: Membanggakan! Pelajar Sarjana Muda Perakaunan (Sistem Maklumat) telah mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) apabila memenangi peperiksaan 'Strategic Business Reporting' (SBR), The Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) bagi bulan Mac, baru-baru ini.

Peperiksaan Strategic Business Reporting (SBR) memerlukan calon untuk menunjukkan kemampuan diri bagi membuat keputusan dalam laporan perniagaan strategik dengan menerapkan pengetahuan dalam senario kehidupan sebenar.

Kemenangan Looi Pui Mun dari Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA) itu adalah selepas dia memperoleh markah tertinggi di Malaysia bagi peperiksaan SBR ACCA tersebut.

"Saya gembira dan bersyukur kerana mendapat pengiktirafan tersebut walaupun baru kali pertama mencuba dan berharap kejayaan ini akan memberikan manfaat dan inspirasi kepada orang lain.

"Saya percaya setiap orang berhak untuk memenanginya dan tidak ada apa yang boleh menghalang seseorang untuk berjaya, asalkan fokus demi mencapai matlamat diri," katanya.

Looi Pui Moon merupakan Pengerusi ACCA Student Ambassador UUM dan menyertai ACCA Accelerate Program Student sejak tahun 2019.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.